



SOALAN LAZIM

1. Bagaimana saya boleh mendapatkan Sijil Digital dari DIGICERT?

Anda boleh mendapatkan sijil digital dengan langkah berikut

- a) Muat turun Borang Permohonan Digisign ID Basic.
Borang boleh dimuat turun dari www.digicert.com.my > Repository > Digicert Form>3. DIGISIGN Class 2 Application Form
- b) Dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan:-
 - Salinan MyKad atau Passport
- c) Email kepada sales@digicert.com.my dan customercare@digicert.com.my
atau hantar kepada DIGICERT Sdn. Bhd. No.3-20, Jalan 14/155B, Aked Esplanad ,
Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur

Untuk pembayaran :

Bank-in melalui ATM atau atas talian *Telegraphic Transfer (TT)*

Nama Bank : HSBC AMANAH MALAYSIA BERHAD

Akaun No : 001-460443-021

Alamat Bank : KL MAIN, LEBOH AMPANG, KUALA LUMPUR

Swift Code : HMABMYKL

Bukti pembayaran haruslah dihantar atau email kepada sales@digicert.com.my
dan customercare@digicert.com.my

Pemilihan penyimpanan (*storage media*) sijil digital perlu diputuskan oleh pihak penawar aplikasi sebelum pengguna mendapatkan sijil digital. Digicert menawarkan 3 bentuk media bagi menyimpan Sijil Digital Individu:-

- i) Softcert

Sijil digital akan di simpankan ke dalam CD dan pengguna perlu instalasi sijil digital ke dalam PC.

- ii) Kad Pintar (*Smart Card*)

Sijil digital akan di simpankan ke dalam kad pintar dan instalasi Software API untuk penggunaan kad pintar perlu di lakukan di PC. Anda juga perlu mempunyai pembaca kad pintar (*smartcard reader*) untuk membaca cip kad pintar.

- iii) USB Token

Sijil digital akan di simpankan ke dalam cip yang terdapat dalam USB token. Untuk penggunaan pertama kali di sesebuah PC, instalasi Software API adalah automatik (*plug&play*) apabila USB Token diplugkan ke PC.

2. Berapa lamakah masa untuk mendapatkan sijil digital ?

Sijil digital akan diproses dalam masa 5 ke 7 hari waktu bekerja setelah menerima dokumen-dokumen dan pengesahan yang cukup daripada anda.



SOALAN LAZIM

3. Bagaimana jika saya terlupa kata laluan ?

Jika anda :

- i) Menggunakan aplikasi eFiling sijil digital (LHDN - Roaming PKI):
Lawati laman web e-Filing (<https://e.hasil.gov.my>) dan klik 'Terlupa Kata Laluan'. untuk set semula kata laluan baru, anda perlu ingat petunjuk kata laluan dan jawapan.
 - ii) Menggunakan Softcert (yang beli dari DIGICERT, bukan dari LHDN):
Sijil digital tersebut tidak lagi boleh digunakan lagi kerana sebagai langkah keselamatan, DIGICERT tidak menyimpan kata laluan anda. Anda digalakkan untuk melakukan salinan (*back-up*) sijil digital anda ke dalam CD atau *pendrive* semasa anda melakukan instalasi buat pertama kali.
 - iii) Menggunakan kad pintar/USB token
Sijil Digital anda adalah milik peribadi dan langkah keselamatan tinggi perlu di ambil kira bagi menghindar kecurian kata laluan. Oleh yang demikian, anda perlu menghantar kembali kad pintar/USB token tersebut ke pejabat DIGICERT bagi proses *unblocking*. DIGICERT akan memulangkan kad pintar anda setelah proses *unblocking* dilakukan
4. Bagaimana untuk saya melakukan *back-up* untuk *softcert* ? (Softcert yang diperolehi dari DIGICERT bukan dari LHDN)

Anda boleh menggunakan Internet Explorer dan ikut langkah di bawah :-

- i) Daripada Menu Explorer, pilih 'Internet Options' > di tab Content, klik 'Certificates' > Pilih 'Personal' dari sijil digital yang dipaparkan > Pilih sijil digital yang anda ingin simpan, kemudian klik 'Export'.
- ii) (Certificate Manager Export Wizard) Klik 'Next' > (Export Private Key) Tandakan 'Yes, export the private key' dan klik 'Next'.
- iii) (Export File Format) Tandakan 'Enable strong protection' dan klik 'Next' > (Password) Masukkan Password (password ini akan digunakan semasa Import (install semula sijil digital ke PC lain). Kemudian klik 'OK'
- iv) (File to Export) Pilih lokasi untuk simpan sijil digital dan nama file tersebut. Klik 'Save'
- v) Masukkan Password yang anda gunakan untuk melindungi sijil digital.